



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

GARIS PANDUAN BANTUAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan syarat-syarat dan prosedur permohonan, kelulusan pemberian bantuan sumbangan kewangan serta pelaporan pelaksanaan program dan aktiviti oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan merupakan pemberian sumbangan kewangan dan bantuan secara langsung oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan yang berdaftar, beralamat dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan/atau Labuan. Program ini mengguna pakai Peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan selaras dengan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 - Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) 2013 yang berkuat kuasa pada 16 Mei 2013. Program ini bertujuan untuk:

- 2.1.1 Membantu dan menggalakkan warga Wilayah Persekutuan melaksanakan program dan aktiviti sosial dan kemasyarakatan;
- 2.1.2 Mewujudkan warga Wilayah Persekutuan yang aktif, sihat, ceria dan sejahtera melalui program dan aktiviti berpersatuan dan kemasyarakatan; dan
- 2.1.3 Mewujudkan semangat kerjasama dan perpaduan yang erat di antara sesama masyarakat dan di antara masyarakat dengan kerajaan.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Program ini hanya khusus untuk NGO dan persatuan-persatuan berdaftar, beralamat dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan/atau Labuan. Mana-mana NGO dan persatuan yang ingin memohon bantuan di bawah Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- 3.1.1 Ditubuhkan secara rasmi di bawah Akta Pertubuhan 1966, Akta Pembangunan Sukan 1997, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, Akta Pendidikan 1996, Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, Kaedah-Kaedah Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru 1973 atau undang-undang tubuh lain yang berkaitan atau berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau pihak berkuasa

lain di Wilayah Persekutuan yang mempunyai kuasa mendaftarkan sesebuah persatuan;

3.1.2 Tempoh sah pendaftaran mengikut perkara di perenggan 3.1.1 masih berkuat kuasa pada tahun permohonan dibuat;

3.1.3 Objektif penubuhan NGO/ Persatuan adalah bagi melaksanakan program/ aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan yang memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan;

3.1.4 NGO/ persatuan yang mempunyai kumpulan sasaran yang spesifik dan memerlukan sumber kewangan bagi melaksanakan program/aktiviti/projek yang memberikan manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan; dan

3.1.5 Keutamaan diberikan kepada pemohon yang belum pernah menerima sumbangan di bawah program ini.

3.2 Program dan aktiviti serta pemberian sumbangan dan bantuan yang **DIBENARKAN** di bawah program ini adalah seperti berikut:

3.2.1 Pembiayaan program atau aktiviti berbentuk kebajikan, kesejahteraan masyarakat, pembangunan sosial, kerohanian, belia, sukan dan rekreasi serta program lain yang berkaitan;

- 3.2.2 Pemberian kepada surau dan masjid, persatuan di institusi-institusi pendidikan/ agensi-agensi kerajaan bagi penganjuran program dan aktiviti berkaitan;
- 3.2.3 Sumbangan atau bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan sukan, kelab kebajikan dan sukan, badan-badan sukarela seperti MAKSAK, PUSPANITA dan lain-lain pertubuhan di agensi-agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan; dan
- 3.2.4 Lain-lain pemberian dan sumbangan yang mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).
- 3.3 Pelaksanaan program atau aktiviti dan pemberian sumbangan dan bantuan untuk aktiviti-aktiviti berikut adalah **TIDAK DIBENARKAN**:
- 3.3.1 Semua program atau aktiviti yang telah dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan;
- 3.3.2 Semua pemberian dan bantuan untuk melaksanakan lawatan dan program di luar negara;
- 3.3.3 Program atau aktiviti yang menyentuh isu sensitif dan boleh menggugat ketenteraman/ keselamatan negara;
- 3.3.4 Program lawatan sambil belajar;

3.3.5 Program atau aktiviti untuk badan atau pertubuhan politik;

3.3.6 Program atau aktiviti kepada persatuan atau entiti yang menjalankan aktiviti komersial dan membuat keuntungan;

3.3.7 Bantuan pentadbiran seperti membayar gaji dan elaun;
dan

3.3.8 Sumbangan kepada pertubuhan politik, kumpulan kecil dan individu.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

4.1 Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

4.1.1 Permohonan menggunakan kepala surat rasmi NGO dan persatuan-persatuan berdaftar masing-masing dan dihantar kepada Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan atau Pejabat Ketua Setiausaha KWP;

4.1.2 Permohonan disertakan dengan kertas kerja lengkap yang mengandungi maklumat berikut:

a) Keterangan program atau aktiviti yang akan dilaksanakan;

- b) objektif pelaksanaan program atau aktiviti dan jangkaan faedah yang akan diperolehi oleh warga Wilayah Persekutuan;
- c) anggaran keperluan kewangan dan kos terperinci bagi projek/ program/ aktiviti yang dicadangkan;
- d) kedudukan kewangan terkini dan rancangan masa hadapan untuk meneruskan aktiviti tanpa bantuan tambahan;
- e) keupayaan dan kaedah pelaksanaan program atau aktiviti misalnya dari segi organisasi/ jawatankuasa yang ada;
- f) maklumat berhubung bantuan yang diterima daripada kementerian/ jabatan lain; jika ada;
- g) cadangan untuk mengenakan yuran penyertaan/ caj kepada orang awam/ peserta bagi program atau aktiviti yang akan dilaksanakan; dan
- h) keterangan berhubung sumbangan NGO dan persatuan-persatuan berdaftar dalam membantu kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

4.1.3 Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan/ Perlembagaan/ *Memorandum of Articles* dan Penyata Kewangan.

4.1.4 Contoh cadangan Kertas Pertimbangan adalah seperti di **Lampiran A**.

4.1.5 Semua permohonan NGO hendaklah mendapatkan syor dan sokongan daripada Majlis Perwakilan Penduduk mengikut zon masing-masing selaras dengan fungsinya iaitu khusus bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Wilayah Persekutuan.

5.0 PROSES KELULUSAN

5.1 Pemberian sumbangan di bawah Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan ini akan disyorkan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. Permohonan ini kemudiannya akan diangkat untuk kelulusan Ketua Setiausaha KWP selaku Pegawai Pengawal atau pegawai KWP yang diwakilkan kuasa oleh Ketua Setiausaha KWP.

5.2 Bahagian Pembangunan, KWP bertanggungjawab untuk menyelaraskan permohonan yang telah disyorkan oleh Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan. Kelulusan yang diperolehi daripada Ketua Setiausaha KWP akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KWP untuk proses penyaluran sumbangan. Carta alir bagi proses urusan penyelarasan sumbangan/ bantuan Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan seperti di **Lampiran B**.

5.3 Pemohon dikehendaki hadir ke Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan bagi menerima surat kelulusan pemberian sumbangan dan melengkapkan borang akuan penerimaan

sumbangan. Pemohon dikehendaki mengembalikan semula borang akuan yang ditandatangani semasa menerima surat kelulusan pemberian sumbangan. Borang akuan penerimaan sumbangan adalah seperti di **Lampiran C**.

6.0 **PELAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN**

6.1 Bagi tujuan pemantauan program, pemohon hendaklah mengemukakan laporan pelaksanaan projek/ program/ aktiviti kepada Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan dan salinan kepada Bahagian Pembangunan, KWP dalam masa 30 hari selepas program/ aktiviti diadakan. Format laporan adalah seperti di **Lampiran D**.

6.2 Sekiranya pemohon gagal mengemukakan laporan yang diperlukan mengikut tempoh masa yang ditetapkan, KWP beranggapan peruntukan yang diluluskan tidak dibelanjakan dan terdapat lebih perbelanjaan. Dalam hal ini, KWP berhak meminta peruntukan/ lebih tersebut.

Jika pihak pemohon masih gagal mengembalikan peruntukan tersebut, KWP akan melaporkan kepada SPRM bagi melaksanakan siasatan.

6.3 Di samping itu, pemohon juga pada setiap masa membenarkan program atau aktiviti yang telah dilaksanakan diaudit oleh pasukan audit KWP. Ketidakpatuhan pemohon dalam mematuhi ketetapan ini boleh memberi kesan kepada pertimbangan permohonan pada masa akan datang.

7.0 **PENUTUP**

7.1 Pemberian sumbangan di bawah Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan diharapkan dapat membantu NGO dan persatuan-persatuan berdaftar untuk melaksanakan program atau aktiviti yang memberi faedah dan impak langsung kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan serta memastikan urusan pemberian sumbangan di bawah program ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Lampiran A

Contoh Cadangan Kertas Pertimbangan Permohonan:

**Nama Pertubuhan/ NGO:
Tajuk Program/Aktiviti/Projek
Cadangan Tempat
Cadangan Tarikh dan Masa Pelaksanaan**

Pengenalan:
Objektif:
Faedah Program:
Tema (jika ada)
Penganjur Bersama (jika ada)
Sasaran:
Aturcara Majlis:
Perincian Anggaran Kos Pelaksanaan Program

Pendapatan:

Bil.	Perkara	Kos Seunit	Jumlah
	Jumlah Keseluruhan (RM)		

Perbelanjaan:

Bil.	Perkara	Kos Seunit	Jumlah
	Jumlah Keseluruhan (RM)		


Nyatakan Jumlah Sumbangan yang Dipohon: **RM**___

LAMPIRAN:

- (I) **Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan/NGO**
- (II) **Salinan Penyata Akaun Bank Pertubuhan/NGO**

CARTA ALIR

Menyelaras Bantuan Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan



Bahagian Pengurusan Pembangunan (BPP), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerima permohonan yang disokong oleh Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan

- (i) Semak dokumen
- (ii) Jika permohonan diterima oleh Pejabat KSU KWP, BPP, KWP kemukakan kepada Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan untuk sokongan dan syor

BPP, KWP mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diwakilkan kuasa

BPP, KWP memanjangkan kelulusan permohonan kepada Bahagian Kewangan, KWP untuk penyaluran sumbangan

BPP, KWP menyediakan borang akuan penerimaan sumbangan dan borang laporan pelaksanaan program untuk diserahkan bersekali dengan surat kelulusan sumbangan kepada pemohon oleh Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan

Pemohon menandatangani borang akuan penerimaan sumbangan dan mengembalikannya kepada Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan semasa menerima surat kelulusan sumbangan

Bahagian Kewangan, KWP memaklumkan status penyaluran sumbangan kepada BPP, KWP

Pemohon mengemukakan laporan pelaksanaan program dan penyata perbelanjaan kepada Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan dan salinan kepada BPP, KWP dalam masa 30 hari selepas program dilaksanakan

**BORANG AKUAN PENERIMAAN SUMBANGAN/ BANTUAN
DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saya : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Pertubuhan/ Persatuan : _____

Dengan ini mengaku akan mematuhi syarat-syarat berikut:

- a) menggunakan bantuan/ sumbangan kewangan yang diluluskan ini sebagaimana yang dikehendaki;
- b) mengemukakan laporan pelaksanaan program dan penyata perbelanjaan dalam masa 30 hari selepas tarikh pelaksanaan program;
- c) membenarkan KWP untuk membuat lawatan pemeriksaan dan audit pada bila-bila masa yang dikehendaki;
- d) bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda, kecederaan peserta/ orang awam disebabkan kecuaiian atau kegagalan pertubuhan/ persatuan semasa menganjurkan program;
- e) bersetuju untuk mengembalikan wang sumbangan yang telah dikeluarkan sekiranya pertubuhan/ persatuan didapati melanggar mana-mana syarat berhubung pemberian bantuan ini; dan
- f) KWP berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan pertubuhan/ persatuan ini pada masa hadapan sekiranya pihak pertubuhan/ persatuan gagal mematuhi apa-apa syarat yang telah

ditetapkan di bawah Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan.

2. Saya juga memahami bahawa Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jelas menyatakan;

(i) **“Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengan prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.”**

(ii) **Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 apabila disabitkan boleh –**

(a) **dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan**

(b) **didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.**

Sekian, terima kasih.

Cap Rasmi Persatuan/ Pertubuhan:

(Tandatangan)

.....
(Nama Penerima & Jawatan)

**FORMAT LAPORAN PELAKSANAAN
PROGRAM/ AKTIVITI DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN
KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN**

1. Nama Program : _____
2. Tempat : _____
3. Tarikh : _____
4. Kehadiran : _____
 - VIP
 - Peserta
5. Objektif Program : _____

6. Faedah Program : _____

7. Kos Pelaksanaan Program : _____
8. Pengesahan Penganjur : _____ (Tandatangan & cap rasmi)

** Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan mempertimbangkan permohonan pada masa hadapan sekiranya pemohon gagal mengemukakan laporan pelaksanaan program dalam masa 30 hari selepas tarikh program dilaksanakan.*